

Analisis Dalil Al-Quran dan Hadith bagi Hukum Budaya Makanan Laut Suku Kaum Bajau Ubian

Qur'anic and Hadith Analysis of Islamic Legal Rulings on Seafood Consumption among the Bajau Ubian Community

Al Anshary Otuh Salleh^{1*}, Abu Khairie Otuh Salleh¹, Rafiah Otuh Salleh¹, Annisa Otuh Salleh¹

¹ Penyelidik Bebas, Petaling Jaya 40160, Shah Alam, MALAYSIA

*Corresponding Author: ibnunahul88@gmail.com
DOI: <https://doi.org/10.30880/jqsr.2025.06.02.008>

Maklumat Artikel

Diserah: 1 Ogos 2025
Diterima: 3 November 2025
Diterbitkan: 31 Disember 2025

Kata Kunci

Analisis hukum, kajian budaya, Bajau Ubian, makanan laut, konsep halal haram

Abstrak

Dalam al-Quran, konsep halal dan haram merupakan prinsip asas syariah yang bertujuan menjaga maslahat manusia serta memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta; Allāh SWT dengan jelas menghalalkan perkara yang baik (ṭayyibāt) dan mengharamkan perkara yang buruk (khabā'ith). Masyarakat Bajau memang terkenal dengan karakteristik Bajau di samping lain-lain keunikan budaya yang membentuk identiti khas iaitu makanan laut yang unik. Salah satu aspek penting adalah mengenai pemakanan orang Bajau yang memasak dan memakan sesetengah ikan bersama najisnya, sotong bersama dakwatnya serta ketam yang hidup dua alam. Kajian ini merupakan kajian kualitatif kaedah kepustakaan berdasarkan ayat al-Quran, hadith dan pandangan ulama dalam perbahasan fiqh. Kaedah pemerhatian ikut serta dan beberapa temubual juga dijalankan bersama beberapa pengamal adat resam Bajau Ubian untuk memastikan objek kajian yang tepat. Melalui pendekatan induktif dan deduktif, kajian ini menganalisis ayat al-Quran, hadith dan pandangan ulama dengan lebih jelas sudut pandang hukum Islam terhadap ketiga-tiga isu tersebut. Hasil kajian ini mendapati pemakanan orang Bajau khususnya Bajau Ubian dibolehkan berdasarkan keluasan pandangan fiqh muftabar. Hal ini sekaligus memberi jawapan kepada permasalahan mengenainya serta membuktikan bahawa syariah Islam tidak menghapuskan identiti dan budaya sesebuah bangsa atau kaum, namun meraikannya sesuai dengan garis panduan hukum Islam.

Keywords

Islamic jurisprudent, cultural studies, Bajau Ubian, food culture, halal haram concept

Abstract

In the Holy Quran, the concept of halal and haram is a principle of syari'ah which aims to safeguard human benefits and preserve the fundamental objectives; faith, life, intellect, lineage and wealth. Allah SWT clearly permits good things (ṭayyibāt) and forbids bad things (khabā'ith). The Bajau societies are surely famous for their characteristics, besides other cultural uniqueness that form a distinctive identity, namely uniques seafoods. One of the important aspects is about the food of the Bajau society who cook and eat some fish with their excrement, cuttlefish, squid

and octopus with their ink and crabs which live in two worlds; land and sea. This study is a qualitative study, literature methods based on verses from the Holy Quran, hadith and the opinions of fiqh scholars. A method of observation was involved and several interviews were also carried out with several Bajau Ubian cultural practitioners to make sure the appropriate object of this study. Based on an inductive and deductive approach, this study analyzes verses from the Holy Quran, hadith Nabawi and the opinions of ulama according to these three issues. The results of this study conclude that the Bajau seafood, specifically Bajau Ubian, is permissible based on the broad perspective of muktabar fiqh. This also provides answers to problems regarding it and proves that Islamic syari'ah does not nullify the identity and culture of a nation or people. In fact Islam is tolerant in accordance with the guidelines of Islamic law.

1. Pengenalan

Dalam al-Quran, konsep halal dan haram merupakan prinsip asas syariah yang bertujuan menjaga maslahat manusia serta memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta; Allah SWT dengan jelas menghalalkan perkara yang baik (ṭayyibāt) dan mengharamkan perkara yang buruk (khabā'ith), sebagaimana firman-Nya: "Wahai sekalian manusia! Makanlah daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik..." (al-Baqarah 2:168), serta penegasan bahawa makanan haram hanyalah bangkai, darah, daging khinzir dan haiwan yang disembelih bukan atas nama Allah (al-Baqarah 2:173; al-Mā'idah 5:3). Selain aspek makanan, al-Quran turut mengharamkan amalan yang merosakkan akal dan moral seperti arak dan judi kerana mudaratnya yang besar melebihi manfaat (al-Baqarah 2:219; al-Mā'idah 5:90), manakala segala bentuk penindasan ekonomi seperti riba diharamkan secara tegas kerana menzalimi manusia dan merosakkan keadilan sosial (al-Baqarah 2:275–279). Secara keseluruhan, penetapan halal dan haram dalam al-Quran bukan bersifat membebaskan, bahkan mencerminkan rahmat dan kebijaksanaan Allah dalam membimbing kehidupan manusia ke arah kesejahteraan dunia dan akhirat (al-A'rāf 7:157). Bagi perincian amalan makanan, para ulama akan meneliti dan menggunakan dalil al-Quran, hadith dan uruf sebagai hujah pendalilan.

Setiap masyarakat dan bangsa mempunyai gaya dan karekteristik tersendiri. Bajau secara umum dikenali sebagai pelaut yang mahir, bahkan sehingga kini aktiviti seperti menangkap hasil laut merupakan perkara yang telah lama menjadi tradisi masyarakat Bajau khususnya di Sabah. Namun seiring perkembangan zaman, sebahagian Bajau telah beralih daripada aktiviti laut kepada aktiviti pertanian sebagaimana yang berlaku kepada Bajau di Kota Belud yang mendiami daratan (Yap Beng Liang, 1993). Bajau merupakan etnik kedua terbesar di Malaysia dan di Sabah selepas Kadazan-Dusun. Orang Bajau menduduki kawasan pantai timur dan pantai barat Sabah. Di pantai barat seperti di Kota Belud, termasuk di Pulau Mantanani dan Pulau Banggi di Kudat, Tuaran, Kota Kinabalu, Teluk Sepanggar, Putatan hingga ke Papar. Manakala di pantai timur Sabah, orang Bajau menduduki kawasan sekitar Lahad Datu, Semporna, Sandakan dan Tawau. Di sekitar Asia Tenggara Bajau juga terdapat di Indonesia seperti di Sulawesi dan Kalimantan, Filipina, Teluk Martaban di Burma dan Australia (Halina Sendera Mohd Yakin, 2018). Termasuk juga di Maluku, barat laut Flores, Sumbawa, pulau-pulau Adonara, Manggarai, Pulau Longos, Maumere, Timor dan pulau Nusa Tenggara (Md. Saffie Abd Rahim et al., 2012). Maka Bajau memang berkembang di perairan Nusantara (Zulyani Hidayah, 2015). Dianggarkan populasi orang Bajau di seluruh kepulauan Nusantara pada masa kontemporari ini melebihi sejuta orang (Halina Sendera Mohd Yakin & Andreas Totu, 2019).

Walaupun Bajau merupakan antara etnik yang meluas di sekitar kepulauan Melayu dan Asia Tenggara, namun terdapat keganjilan dalam pentakrifan Bajau khususnya di Sabah. Bajau dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Bajau pantai barat atau Bajau Darat dan Bajau pantai timur atau Bajau Laut. (Syamsul Azizul Marinsah et al., 2025). Pembahagian umum pada ketika ini mengidentifikasi sedemikian sehingga memberikan kefahaman yang tidak jelas perlu disemak semula, kerana mengklasifikasi orang Bajau di timur Sabah kepada Bajau Laut tidak digemari dan tidak dipersetujui oleh masyarakat Bajau timur (Md. Saffie Abd Rahim et al., 2012).

Masyarakat Bajau di pantai Timur tidak selesa disandarkan kepada Bajau Laut kerana telah diketahui umum bahawa Bajau Laut merujuk kepada Pala'u atau a'a marilaut yang memang sejak sekian lama menduduki perahu. Temu bual penulis bersama orang tua-tua masyarakat Bajau di Lahad Datu juga menyebut perkara yang sama. Orang Bajau seperti Ubian dan lain-lain sub Bajau selain Pala'u di Lahad Datu tidak mengakui mereka itu Pala'u. Temu Bual terhadap seorang pengamal bahasa dan budaya Bajau Ubian, Otok Rikik (62 tahun) bahawa bukan semua Bajau di Pantai Timur itu Bajau Laut, kerana Bajau Laut atau Pala'u itu tinggal di laut di dalam perahu, manakala Bajau Ubian bukan hidup di laut tetapi di persisir pantai yang tinggal di darat.

2. Sorotan Literatur

2.1 Asal Usul Etnik Bajau

Etnik Bajau memiliki keunikan melalui kepelbagaian budaya dan bahasanya. Bajau termasuk salah satu etnik Bumiputera. Penulis menyertakan fakta sebagaimana dalam dokumen Interpretation (Definition of Native) Ordinance (Sabah Cap. 64) menyebut mengenai 'Definition of Native':

"any person who is ordinarily resident in Sabah, is a member of the Suluk, Kagayan, Simonol, Sibutu or Ubian people or of a people indigenous to the State of Sarawak or the State of Brunei, has lived as and been a member of a native community for a continuous period of three years preceding the date of his claim to be a native, has borne a good character throughout that period and whose stay in Sabah is not limited under any of the provisions of the Immigration Act, 1959/63 [Act 155.]: Provided that if one of such person's parents is or was a member of any such people and either lives or if deceased is buried or reputed to be buried in Sabah, then the qualifying period shall be reduced to two years"

Menurut sebahagian pengkaji, asal usul etnik Bajau boleh dikatakan masih belum terungkai secara jelas. Hal ini disebabkan sumber rekod dan sejarah yang menyebut asal-usul etnik Bajau masih dipertanyakan keaslian serta sumber-sumber rekod sejarah yang belum sempurna menyebabkan persoalan mengenainya masih belum mampu dipastikan sehingga kini (Halina Sendera Mohd Yakin & Andreas Totu, 2019).

Atas sebab itu, pelbagai teori menyebut berkenaan asal-usul Bajau. Antara cerita-cerita legenda yang menyebut bahawa Bajau berasal dari Semenanjung Tanah Melayu. Ada juga dakwaan menyatakan Bajau berasal dari Johor, Kepulauan Riau-Lingga dan Zamboanga di Selatan Filipina. Legenda Bajau Pulau Omdal menyebut bahawa etnik Bajau berasal dari Johor dan berhijrah ke Sulu dan kemudian ke Sabah. Terdapat pendapat lain menyebut Bajau berasal dari Filipina berdasarkan persamaan dialek antara Bajau Sabah dan Bajau di Indonesia serta di Selatan Filipina (Halina Sendera Mohd Yakin, 2018).

Penulis berpendapat dakwaan ini perlu diperhalusi kerana dialek Bajau tidak sepenuhnya tepat untuk dikatakan serupa dengan etnik Bajau di Indonesia, Sabah dan Filipina meskipun tidak dinafikan dalam rumpun bahasa Bajau, namun memiliki perbezaan dari segi sebutan (fonologi), kosa kata (leksikal) atau struktur ayat (tatabahasa). Bagi mereka yang mampu berbahasa Bajau akan dapat memastikan bahawa dialek tersebut tidak sepenuhnya serupa walaupun serumpun, bahkan penggunaan istilah pun kadangkala mempunyai perbezaan antara sesama etnik Bajau meskipun dalam satu penempatan yang sama. Sebagai contoh di beberapa kawasan di Lahad Datu dengan mudah didapati dalam satu penempatan terdapat beberapa jenis Bajau seperti Bajau Ubian, Simunul, Sibutuk, Balimbing dan lain-lain.

Dialek dan penggunaan istilah dan bahasa juga menampilkan perbezaan ketara antara Bajau seperti dielek Bajau Ubian, Bajau Simunul, Tandubas, Sibutuk, Balimbing, Tabawan, Pala'u seumpamanya. Namun penulis tidak menafikan persamaan dan perkongsian bahasa secara umum kerana bahasa Bajau mempunyai akar kata yang sama. Dalam sesetengah istilah seperti istilah manuk bermaksud ayam dan per nomboran seperti tellu bermaksud nombor tiga serta penggunaan istilah yang lain tetapi sudah semestinya bukan hanya Bajau Ubian yang menggunakan istilah ini bahkan berkongsi dengan beberapa istilah etnik lain juga.

Berdasarkan teori-teori yang dikemukakan para pengkaji barat dan tempatan, maka dapat diringkaskan bahawa Bajau dikatakan berasal sama ada dari Johor, Kepulauan Riau Lingga, Sulawesi dan Zamboanga di Selatan Filipina, bahkan terdapat pandangan menyebut Bajau merupakan penghuni perahu di Semenanjung Tanah Melayu. Terdapat pengkaji yang mengukuhkan pandangan bahawa Bajau berasal dari Johor berdasarkan cerita legenda berkaitan dengannya (Md. Saffie Abd Rahim et al., 2012). Namun, semua dakwaan ini masih tidak memberikan jawapan tuntas. Penulis tidak bersetuju sepenuhnya dengan beberapa pandangan sebagaimana yang telah dinyatakan sebelumnya. Apatah lagi kajian tersebut dinyatakan oleh para pengkaji barat seperti James Collins dan selainnya yang telah membuat perbandingan bahasa (Halina Sendera Mohd Yakin, 2018). Hal ini perlu dipertanyakan semula adakah benar pengkaji barat tersebut mengetahui kesemua dialek dan bahasa Bajau, sedangkan bahasa Bajau dan dialeknya itu sendiri bukan hanya satu jenis. Tradisi lisan pula banyak menyebut mengenai Samboanga (Zamboanga) dikatakan sebagai asal usul orang Bajau daripada aspek geografi menyebut bahawa orang Bajau dikatakan bermula dari Kepulauan Sulu ke Kepulauan Borneo dan terus ke Kepulauan Clebes di Selatan Filipina (Halina Sendera Mohd Yakin, 2018).

Sebahagian pengkaji yang merumuskan bahawa orang Bajau adalah masyarakat yang gemar mengembara dari suatu tempat ke suatu tempat lain untuk mencari kawasan penempatan yang sesuai menyebabkan etnik Bajau sukar dikenal pasti asal-usul mereka secara tepat sehingga mereka wujud di merata-rata tempat di sepanjang Asia Tenggara (Md. Saffie Abd Rahim et al., 2012). Namun, semua kesimpulan ini masih perlu dipersoalkan kerana tidak memberikan jawapan yang memuaskan serta timbul persoalan mana mungkin Bajau tidak diketahui asal-usulnya secara jelas padahal mereka merupakan orang asli di alam Melayu itu sendiri?

Hanya saja dari sudut cerita yang terkenal khusus di Timur Sabah, bahawa Zamboanga dan Selatan Filipina dianggap sebagai asal usul Bajau termasuk Ubian. Di Selatan Filipina juga telah diketahui wujudnya orang Bajau dengan dialek Ubian yang sama sebagaimana yang terdapat di Tawi-Tawi (South Ubian). Bajau juga terdapat di Mindanao, Pulau Simunul, Pulau Sibutuk serta pulau-pulau lain di Selatan Filipina. Pandangan mengenai penghijrahan kaum Bajau merupakan salah satu teori yang menyebut bahawa asal-usul Bajau itu sama ada berasal dari Johor dan kemudian ke Filipina atau pun dari Indonesia kemudian berhijrah ke Filipina dan menetap di sekitar pantai timur negeri Sabah (Md. Saffie Abd Rahim et al., 2012). Penulis berpendapat, dialek Bajau di Timur Sabah khususnya Bajau Ubian seperti di daerah Lahad Datu lebih mirip kepada Bajau yang ada di Selatan Filipina berbanding dialek di Sulawesi meskipun Bajau di Indonesia mempunyai persamaan dari aspek kata dasar atau akar kata. Bagaimanapun, wujudnya perselisihan dan perdebatan mengenai persoalan asal-usul Bajau dan menyebarnya mereka di belahan negeri dan negara seperti di Johor, Sabah, Sulawesi dan Filipina membuktikan Bajau adalah suatu bangsa atau etnik yang tidak asing dengan penjelajahan.

Dalam kajian Zaharah Sulaiman et al. (2023), berdasarkan kajian mt-DNA, Bajau dan orang laut adalah juraian Melayu yang merupakan Melayu Moden yang paling ramai berkembang di benua Sunda, dan mereka adalah orang asli bukannya pendatang dari luar benua Sunda. Melayu Moden seperti Bajau, Iban, Jawa dan lain-lain berasal daripada Melayu Proto Aslian Semang dan Senoi yang menurunkan Kensiu, Kintak, Temiar, Jahai, Batek, Lanoh, Che Wong, Mendrik, Kubu, Jahut, Mahmeri dan Semoq Beri. Kemudian, mereka menurunkan pula Melayu Jakun, Dayak, Temuak, Orang laut dan lain-lain sehingga menurunkan pula Iban, Jawa, Bugis, Filipina, Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang kesemuanya itu telah berkembang dalam jangka masa 63,000 – 35, 000 tahun lalu di pentas Sunda.

Asal-usul Bajau yang sehingga kini masih menjadi pertikaian yang antara sebabnya mengenai kekeliruan pentafsiran terhadap orang Bajau. Kekeliruan paling ketara adalah dari segi budaya dan bahasa pertuturan, sehingga enditifikasi etnik Bajau sukar atau kurang difahami apatah lagi kajian yang banyak menyebut soal Bajau dilakukan oleh sarjana barat yang seringkali memberi tafsiran yang kurang tepat disebabkan keterbatasan mereka menyelami budaya dan bahasa orang Bajau berbanding orang Bajau itu sendiri (Md. Saffie Abd Rahim et al., 2012). Penulis berpendapat kajian yang lebih tepat yang boleh dipertanggungjawabkan apabila dikaji, direkodkan dan didokumentasikan oleh masyarakat kaum Bajau itu sendiri dengan pemahaman bahasa Bajau dan budayanya, bukannya oleh pengkaji luar yang tidak memahami selok-belok bahasa, pemikiran dan budaya Bajau. Daripada pelbagai pandangan tersebut penulis merumuskan bahawa Bajau memang telah wujud di kepulauan Melayu-Sunda sejak ribuan tahun lalu secara in situ. Kesedaran ini penting agar jati diri bangsa Melayu dan Bajau tidak hilang.

Kajian yang telah dijalankan sebelumnya mengenai Bajau dalam beberapa bidang ilmu lebih memberi tumpuan kepada Bajau Semporna yang mewakili pantai timur Sabah dan Bajau Kota Belud mewakili pantai barat Sabah. Namun kajian ini mendedahkan bahawa Bajau itu sendiri mempunyai perbezaan dari sudut budaya. Ramai yang keliru membezakan antara pecahan Bajau, termasuklah salah faham yang menganggap Bajau Ubian itu serupa dengan Bajau Semporna atau Bajau Kota Belud umpamanya. Oleh yang demikian, kajian mengenai etnik Bajau khasnya mengenai budaya, kepercayaan dan bahasa hendaklah dilakukan secara berhati-hati agar tidak menisbahkan sesuatu amalan, kepercayaan dan budaya tertentu kepada etnik Bajau secara pukal, padahal dalam etnik Bajau sendiri terpecah lagi kepada beberapa suku (disebut sebagai a'a dalam dialek Bajau Ubian) seperti yang telah dinyatakan sebelumnya. Justeru itu, kajian mengenai Bajau hendaklah dikaji dan diperhalusi secara induktif. Oleh itu, walaupun orang Bajau memiliki karakteristik sebagai sebuah masyarakat yang telah dikenali asli, tetapi sub-sub dalam masyarakat Bajau itu sendiri terpecah lagi kepada beberapa bahagian yang memiliki ciri khas tersendiri khususnya dalam keadaan tertentu bergantung kepada faktor-faktor persekitaran, pemikiran dan selainnya.

Maka kajian oleh Syamsul Azizul Marinsah et al. (2025) 'Sinkretisme Menulisi Adat Tradisi Bajau di Sabah Menurut Hukum Islam' dengan menyandarkan amalan-amalan yang dihuraikan tersebut kepada Bajau secara umum adalah kurang tepat dalam beberapa sudut. Meskipun tidak dinafikan masih terdapat sebahagian persamaan budaya, amalan dan kepercayaan disandarkan kepada Bajau. Orang Bajau sering menisbahkan diri mereka kepada bangsa Bajau serta saling mengenali perbezaan dialek-bahasa, kepercayaan dan budaya yang berlainan walaupun dalam satu etnik yang mereka nisbahkan sebagai bangsa Bajau. Sesungguhnya, kekurangan kajian tersebut akibat tidak memperhatikan zaman peralihan Islam Bajau.

Justeru itu, penulis merumuskan kronologi zaman peralihan dan pembangunan Islam di alam Bajau kepada tujuh peringkat: Pertama: Zaman tauhid yang asal (zaman para Nabi). Kedua: Zaman penyelewengan tauhid, animisme-dinamisme. Ketiga: Zaman Hindu-Budha (330 – 180 SM). Keempat: Zaman penyebaran Islam (sejak abad ke-9-10 M dan meluas pada abad ke-13 dan 14 M). Kelima: Zaman imperialisme dan sinkretisme (1511 Portugis di Melaka, 1565/66 Sepanyol di Filipina). Keenam: Zaman pembaharuan Islam (pasca kemerdekaan). Ketujuh: Zaman perkembangan Islam (kini). Pembahagian zaman ini sangat penting agar kajian mengenai sesuatu kaum khususnya mengenai Bajau diperincikan mengikut konteks garis masanya selain faktor tempat dan lain-lain. Hal ini dikatakan demikian kerana watak dan perkembangan masyarakat Bajau berubah seiring perubahan zaman. Sebagaimana dinyatakan sebelumnya, terdapat amalan kepercayaan yang dikatakan berunsur khurafat

atau syirik (sinkretisme negatif) dalam kajian sebelumnya tersebut sebenarnya sudah lama tidak diamalkan meskipun daripada aspek sejarah ia pernah berlaku.

2.2 Budaya Makanan Bajau Ubian

Budaya merujuk kepada tamadun, peradaban, kemajuan berfikir dan akal budi. Manakala kebudayaan bermaksud keseluruhan cara hidup yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan, berfikir, dan segala hasil kegiatan dan penciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian sesuatu masyarakat, tamadun dan peradaban (Md. Nor Hj. Ab. Ghani et al., 2023). Dalam perbahasan Uşul al-Fiqh, budaya semakna dengan 'uruf. Wahbah al-Zuhaili (1986) dalam Uşul al-Fiqh (2/828) mendefinisikan 'uruf iaitu apa yang telah menjadi kebiasaan manusia sama ada tindakan atau perkataan serta mereka kekal berterusan melakukannya. Abdullah bin Ahmad Al-Nasafi menyebut 'uruf itu sesuatu yang ditetapkan dalam jiwa dari sudut fikiran serta diterima oleh fitrah yang sihat. Ia juga perkara berulang yang tidak berkaitan dengan akal. Menurut Ibn 'Ābidīn, adat itu diambil daripada konsep pengulangan berterusan sehingga ditetapkan dalam jiwa dan akal fikiran, diterima tanpa ada keterkaitan sehingga sebatinya menjadi hakikat budaya. Maka adat dan 'uruf itu mempunyai makna yang satu pada situasi yang berlaku.

Menurut Muḥammad Abū Zahrah (t.th), 'uruf merupakan metode ijtihad yang digunakan oleh mazhab Hanafi dan Maliki selain daripada menggunakan nas. Asas penggunaan metode ini adalah untuk meraikan apa yang dianggap baik oleh manusia selagi ia tidak pula bercanggah dengan syarak. Penggunaannya sebagai alat ijtihad untuk menghilangkan kesukaran kepada manusia dinyatakan pada firman Allah SWT dalam surah al-Haj ayat 78. Dalam menggunakan metode ini, ahli hukum hendaklah mengetahui selok belok persoalan zaman dan keadaan sesuatu penduduk atau masyarakat, mampu memastikan antara adat yang tidak bercanggah dengan syarak serta tidak mudah mendakwa sesuatu hukum sewenang-wenangnya atas dakwaan waqi'.

Etnik Bajau memiliki budaya yang unik. Meskipun demikian, kita juga perlu mengakui bahawa terdapat budaya yang baik dan budaya yang bercanggah dengan syarak sebagaimana yang telah dikemukakan oleh para pengkaji yang mendapati terdapat budaya yang menjurus kepada kesyirikan, kurafat dan sia-sia dalam sesetengah amalan masyarakat Bajau. Hal ini berdasarkan kajian sebelumnya yang menghurai mengenai budaya Bajau yang dianggap mengandungi sinkretisme negatif yang bercanggah dengan syarak. Namun sebagaimana yang dinyatakan sebelumnya, terdapat budaya yang bercanggah dengan akidah dan syariah yang sudah sekian lama ditinggalkan oleh masyarakat Bajau Ubian. Hal ini disebabkan oleh peranan pendakwah dan ahli ilmu yang mengajar dan berdakwah kepada masyarakat Sabah dan masyarakat Bajau Ubian secara khusus. Maka keperluan melihat kepada kronologi zaman dan tempat amat penting agar tidak menyandarkan sesuatu amalan secara pukol rata kepada semua masyarakat Bajau atau budaya Bajau itu sendiri. Namun kajian mengenainya harus pula dihargai sebagai literatur dan sorotan sejarah.

Keunikan kaum Bajau serta pecahannya yang kaya dengan kepelbagaian budaya, kepercayaan, pemikiran, dan cara hidup memerlukan penelitian yang rapi dan berhati-hati. Kajian ini secara khusus menganalisis budaya pemakanan masyarakat Bajau Ubian dengan memberi fokus kepada tiga isu utama berdasarkan sudut pandang hukum Islam.

a) Ketam Dua Alam

Dalam The New Encyclopedia Britannica (5/310-311), haiwan seperti ketam, lobster dan udang termasuk dalam Kumpulan Crustacean iaitu kelas haiwan invertebrate. Ketam laut yang biasa dimakan adalah seperti ketam biru (blue crab), Dungeness crab, ketam batu (stone crab) yang boleh ditemui di Amerika dan lain-lain kawasan serta beberapa ketam darat juga dimakan seperti ketam kelapa (coconut crab) atau robber crab merupakan makanan di kepulauan Indo-Pasifik, namun di sesetengah kawasan kepulauan lain memakannya adalah dilarang kerana alasan agama (The New Encyclopedia Britannica, 1974). Menurut Derek Harvey (2012) dalam Super Nature Encyclopedia (h.105-106), robber crab juga dikenali sebagai coconut crab iaitu ketam perompak atau ketam kelapa tidak menyukai air dan hidup di darat namun bertelur di dasar laut serta ia boleh bernafas menggunakan insang, bersaiz 40 cm (panjang) dan 90 cm (lebar kaki), tinggal di kawasan pantai di sekitar kepulauan Hindi dan Pasifik Barat dan kadangkala tinggal di atas pokok kelapa. Ketam adalah sejenis haiwan laut yang mempunyai cangkerang sama seperti kura-kura dan siput, memiliki fungsi sebagai pelindung luaran (Jill Bailey & Mike Allaby, 2003).

Ketam yang dimakan oleh kaum Bajau termasuklah ketam Nipah yang juga dikategorikan sebagai ketam Bakau. Temu bual bersama Salim bin Jauhari (62 tahun) yang merupakan orang asal Ubian dan lahir di kepulauan Filipina (Ubian) menyebut bahawa ketam yang hidup dua alam adalah makanan orang Bajau Ubian sejak sekian lama, merangkumi ketam Nipah atau Kalimango, hidup di paya bakau dan mampu hidup dua alam. Ketam Batu pula disebut sebagai Kagang Batu. Terdapat perbezaan nama di sisi masyarakat Bajau yang melibatkan saiz yang berbeza. Jika ketam itu kecil, maka dinamakan Kagang Batu. Manakala jika bersaiz besar atau dewasa dinamakan sebagai Kagang Sukai. Sejenis ketam bersaiz kecil yang biasa ada di persisiran pantai atau lumpur dinamakan sebagai bokkok-bokkok. Ketam yang hidup di batuan persisiran pantai atau bakau dikatakan diburu pada waktu malam kerana lebih mudah ditemui. Ketam Kelapa iaitu sejenis ketam yang hidup di bawah pohon kelapa juga

dimakan oleh sebahagian masyarakat Bajau Ubian. Ketam yang hidup di darat (bahasa Ubian: maralea) khususnya ketam Kelapa disebut sebagai Omang atau Kulumata. Keduanya berbeza, Omang ada yang hidup di darat dan di laut, manakala Kulumata hidup dalam lubang berbatuan di persisiran pantai dan mempunyai kulit yang cantik seumpama Ketam Hitam. Manakala Omang pula ketam yang hidup dalam lubang di bawah pokok kelapa. Terdapat juga sejenis ketam atau lebih hampir kepada udang (menyerupai udang atau lobster) yang dinamakan sebagai Kulluk yang biasa didapati di hutan paya bakau. Sejenis ketam yang disebut Kamun juga dimakan oleh suku kaum Bajau.



(a)



(b)



(c)

Rajah 2.1 (a) Ketam hidup dua alam; (b) ketam yang direbus; (c) ketam dua alam yang telah masak

Nota. Penulis bersama informan Bajau Ubian di Kampung Sabah Baru Peringkat 2, Lahad Datu.

Oleh itu, terdapat sekurang-kurangnya tiga jenis ketam yang dimakan oleh suku kaum Bajau iaitu Keot atau Kamak/Kama, Sukai atau Ketam Batu yang oleh orang tua-tua dahulu menyebutnya Kalimango (Hajjah Alias, 2025). Temubual bersama Otok Rikik (62 tahun) bahawa umumnya tiga jenis ketam dalam pandangan Bajau Ubian iaitu pertama; ketam yang hidup dalam paya bakau antaranya sejenis ketam disebut sebagai Kabbau yang kebiasaannya mempunyai sepit yang besar. Kedua; ketam Batu atau disebut sebagai Kagang Batu yang hidup di persisiran pantai dan kebiasaannya di celah bebatuan, ketiga; disebut Sukai yang hidup di pasir pada persisiran pantai

dan memiliki warna yang cantik. Menurut para informan, Bajau Ubian yang terkenal hidup di persisir pantai memang memakan semua jenis ketam tidak kira yang hidup dua alam atau tidak. Kesemua jenis ketam ini, sama ada bersaiz kecil atau besar termasuk ketam Batu atau ketam yang hidup dua alam merupakan binatang yang dimakan oleh suku kaum Bajau, khasnya Bajau Ubian. Berdasarkan temubual bersama tiga informan Bajau Ubian yang senior iaitu Hajjah binti Alias (68 tahun), Otuh Salleh bin Nahul (83 tahun) dan Otok Rikik (62 tahun) yang merupakan penduduk tempatan suku Kaum Bajau Ubian di Lahad Datu telah mengesahkan bahawa ketam-ketam yang disebutkan di atas adalah makanan yang mereka makan serta ia merupakan tradisi masyarakat Bajau Ubian termasuklah ketam yang hidup dua alam.

b) Sotong dan Dakwat Hitam

Kurita (octopus) mempunyai tentakel serta mempunyai kemampuan dan kecerdasan penyamaran. Sotong (squid & cuttlefish) mempunyai cangkera dalam, mempunyai lapan lengan serta dua sesungut panjang (Animals a Visual Encyclopedia, 2012). Selain daripada ketam, sotong juga merupakan haiwan jenis invertebrate iaitu haiwan yang tidak mempunyai tulang belakang atau rangka dalam tulang (Jill Bailey & Mike Allaby, 2003). Semua jenis sotong dimakan kecuali sotong beracun seperti blue-ringed octopus (*hapalochlaena lunulate*). Dalam tradisi Bajau Ubian, sotong kurita mempunyai dua nama berdasarkan saiz. Jika bersaiz kecil dinamakan Engget, jika dewasa disebut sebagai Kuritak. Dalam tradisi lama Bajau Ubian, cara memakan Kurita hanya dengan merebus seumpamanya dan memakannya bersama dakwat tersebut jika ada. Berdasarkan kajian sains, dakwat hitam tersebut bukan najis tetapi mengandungi melanin, protein, lemak dan glikosaminoglikan (Yuspihana Fitriah & Iin Khusnul Khotimah, 2017). Dakwat hitam sotong adalah pewarna semula jadi yang terdiri daripada pigmen hitam dan melanin iaitu 90% melanin, 5% protein dan 0.8% carbohydrate yang mana ia berasal daripada eumelanin dan feomelanin (Reyhan Salindro Usman et al., 2022)



(a)



(b)

Rajah 2.2 (a) Sotong mentah sebelum dimasak; (b) sotong direbus bersama dakwat hitam

Nota. Penulis bersama informan Bajau Ubian di Kampung Sabah Baru Peringkat 2, Lahad Datu.

Dalam tradisi Ubian, sotong sama ada bertulang atau tidak, saiz besar atau kecil disebut sebagai Kanu'us juga dimakan bersama dakwatnya. Dakwat hitam yang terdapat dalam sotong dikenali sebagai Kulansong dalam dialek Ubian dan dianggap bukan najis bahkan telah sejak sekian lama menjadi tradisi Bajau Ubian atau Bajau umumnya, dakwat hitam sotong tersebut dimakan kerana rasanya lebih enak (Hajijah Alias, Otuh Salleh Nahul & Otok Rikik, 2025).

c) Ikan, Najis dan Perutnya

Masyarakat Bajau, khususnya Bajau Ubian, terkenal dengan amalan memakan ikan panggang bersama isi perutnya, termasuk najis yang terdapat di dalamnya. Penjelasan perlu diberikan agar tidak menimbulkan salah faham, kerana hal ini tidak bermaksud masyarakat Bajau sengaja memakan najis ikan atau najis haiwan. Lazimnya, ikan besar mahupun kecil dipanggang bersama isi perut sekali gus dengan najisnya, dan cara ini sangat digemari oleh masyarakat Bajau kerana dianggap menghasilkan aroma yang lebih enak dan menyelerakan berbanding memanggang ikan setelah isi perut dan najisnya dibuang.



(a)



(b)

Rajah 2.3 (a) ikan dipanggang bersama isi perut termasuk najisnya; (b) ikan yang siap untuk dimakan

Nota. Penulis bersama informan Bajau Ubian di Kampung Sabah Baru Peringkat 2, Lahad Datu.

Apabila ikan tersebut selesai dipanggang, masyarakat Bajau biasanya akan membuang beberapa bahagian yang tidak diperlukan seperti insang dan najis ikan. Selain insang dan kotoran yang dibuang, isi perut ikan hanya dibersihkan sekadarnya sahaja sebelum dimakan. Oleh itu, sisa najis dan isi perut yang masih ada tidak dianggap sebagai najis. Antara jenis ikan yang lazimnya dipanggang bersama isi perut dan najisnya termasuklah ikan Kuaci, ikan Tamban, ikan Tulai, ikan Sobat dan ikan Kobal-kobal (Hajijah Alias, Otuh Salleh Nahul & Otok Rikik, 2025).

3. Isu dan Permasalahan Kajian

Masyarakat Bajau khususnya Bajau Ubian antara sub etnik Bajau yang memiliki ciri khas tersendiri. Antaranya soal budaya pemakanan termasuk makanan laut. Justeru itu, tidak hairan jika diet pemakanan orang Bajau pada umumnya adalah serupa. Namun, kajian ini hanya memfokuskan mengenai budaya pemakanan Bajau Ubian. Apa

yang unik, makanan laut yang dimakan tersebut kadangkala berbeza dengan praktik diamalkan oleh masyarakat Melayu yang lain. Hal ini dapat diperhatikan ketika mana masyarakat Bajau Ubian memakan sebahagian ikan dengan najis dan isi perut yang kebiasaannya dipanggang kerana dianggap memiliki aroma menyelerakan. Mereka juga makan sotong yang dimakan bersama dakwatnya. Orang Bajau Ubian memakan ketam dua alam dalam apa jua jenisnya selagi tidak beracun.

Persoalan budaya ini telah sebat dalam diri masyarakat Bajau, termasuk Bajau Ubian. Namun, seringkali pula berlaku konflik apabila penceramah luar daripada kaum yang berbeza serta masyarakat dari semenanjung memberikan jawapan tidak memuaskan. Jawapan yang disajikan dalam media sosial seperti penjelasan pendakwah selebriti yang mendakwa ketam dua alam adalah haram menurut mazhab Syafie (<https://www.youtube.com/watch?v=eaxrn086RhU>). Tidak terkecuali penjelasan daripada pihak yang dianggap berautoriti. Penjelasan laman sesawang Mufti Wilayah Persekutuan (7 Julai 2023) yang menyatakan bahawa ketam Batu dan ketam Angin yang bermain di atas batu dan persisiran pantai di Malaysia yang hidup di darat dan air (berukuran kecil 2.1 cm – 8.8 cm) adalah haram dimakan kerana hidup dua alam.

Mengenai pasi sotong atau dakwat hitam terdapat pandangan yang mengharuskan dan mengharamkan. Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu Kali Ke-5 pada 7 Disember 2011 bersetuju mengekalkan keputusan fatwa iaitu pasi sotong adalah najis kerana cecair tersebut kotor dan berbau busuk jika dibiarkan lama, namun jawapan daripada laman sesawang Mufti Wilayah Persekutuan (22 November 2016) menilainya semula dan menganggapnya harus kerana tidak ada dalil mengharamkannya.

Anehnya, dalam isu hukum memakan ikan yang tidak dibuang isi perutnya, laman Mufti Wilayah Persekutuan (18 Ogos 2023) menyebut ikan masin atau ikan kering yang tidak dibersihkan segala isi perutnya, tahinya dan darahnya adalah tidak halal untuk dimakan kerana najis menurut mazhab Syafie. Senada dengan itu, terdapat pendakwah popular menyebut hukum dakwat sotong khilaf dalam kalangan ulama, namun keluar daripada khilaf lebih utama. Bahkan dikatakan pernah berlaku kegusaran dalam masyarakat Bajau di pantai timur Sabah ketika penceramah yang datang ke Sabah menyuarakan hal yang sama sehingga menimbulkan konflik, ketidakpuasan hati dan kemarahan masyarakat Bajau serta dianggap telah menyentuh sensitiviti budaya Bajau Ubian. Penjelasan para pendakwah tersebut boleh dilihat misalnya menerusi ceramah pada pautan video ringkas berikut (<https://www.youtube.com/shorts/ZViRSObCsvg>) dan (https://www.youtube.com/watch?v=h1_e5jHigGE). Hal ini menimbulkan kegusaran dalam kalangan masyarakat Bajau yang telah sejak sekian lama generasi ke generasi memakan makanan tersebut. Hal inilah yang menimbulkan dilema antara hukum fiqh dan budaya masyarakat. Abdurrahman Wahid (2001) menyebut masalah yang serupa terjadi di Indonesia apabila berlaku polarisasi antara adat budaya dan hukum agama. Kerana ini perlunya Pribumisasi Islam. Pribumi Islam bukannya bermaksud Jawanisasi atau sinkretisme kerana pribumi Islam hanya mempertimbangkan keperluan masyarakat tempatan dalam merumuskan hukum-hukum agama tanpa mengubah hukum itu sendiri berdasarkan Uşûl al-Fiqh dan al-Qawā'id al-Fiqhiyyah.

Abdurrahman Wahid (2001) menyebut permasalahan ini wujud kerana banyak tokoh-tokoh Islam yang tidak membezakan yang mana ibadah dan yang mana bukan ibadah. Hazairin (1951) ketika membahas hubungan antara budaya dan nas syarak bahawa terdapat juga sebahagian perkara dalam persoalan muamalat, iaitu keperluan ijtihad dan membentuk fiqh yang bercorakkan budaya tempatan yang selaras dengan jiwa rakyat dan jiwa Islam. Terdapat nas dan ijmak yang menjurus kepada keperluan masyarakat Arab ketika itu, sedangkan masyarakat Indonesia adalah masyarakat yang tidak dikenal oleh Rasûlullâh SAW dan ulama mazhab pada masa pertumbuhan fiqh. Maka persoalan hukum Islam dapat diselaraskan menurut kehendak syarak bergantung kepada para mujtahid yang mengenal jiwa rakyat Islam, mengenal pula masyarakat rakyat Islam serta mengenal ilmu hukum Islam yang dijelmakan menerusi al-Quran dan Sunnah serta pembaharuan hukum fiqh bersesuaian dengan jiwa rakyat dan masih dalam kehendak syariah (Hazairin, 1951). Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk menganalisis pandangan umum masyarakat Bajau Ubian terhadap najis ikan, ketam dua alam dan dakwat sotong yang telah menjadi budaya sebat pemakanan Bajau Ubian sejak sekian lama dan menjelaskan sudut pandang hukum Islam menggunakan dalil al-Quran, hadith serta pandangan mazhab fiqh terhadap permasalahan dan budaya yang dikaji tersebut.

4. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan beberapa pendekatan. Kaedah kepustakaan dengan merujuk kepada perbincangan kitab fiqh rentas mazhab untuk menganalisis hukum haiwan dua alam seperti ketam dua alam, hukum najis haiwan yang dimakan seperti isi perut ikan dan dakwat hitam bagi sotong berdasarkan pandangan mazhab fiqh yang muktabar. Kajian ini juga menggunakan kaedah temu bual terhadap beberapa informan dalam kalangan orang Bajau Ubian yang mengamalkan budaya Bajau. Pengalaman masyarakat Bajau Ubian yang dikaji khusus di Kampung Sabah Baru Peringkat 2, Lahad Datu dan beberapa kawasan sekitarnya.

Wawancara merupakan teknik pengumpulan data apabila peneliti ingin melakukan kajian pendahuluan untuk meneliti sesuatu masalah (Sugiyono, 2020). Tujuannya untuk memastikan kebenaran amalan pemakanan tersebut benar-benar diamalkan oleh masyarakat Bajau Ubian dan orang Bajau secara umum. Temu bual tidak

berstruktur merupakan teknik untuk mendapatkan maklumat terperinci, terbuka dan luas dengan komunikasi yang baik bersama informan. Temu bual tidak berstruktur adalah bebas dan hanya berupa garis-garis besar permasalahan yang akan dipertanyakan (Sugiyono, 2020).

Seterusnya, pengkaji berkomunikasi, bergaul dan mengalami sendiri amalan, melihat dan memakan sendiri makanan yang dimasak tersebut. Kajian pemerhatian gelagat, tabiat, amalan, pergaulan, tindakan manusia dalam perkumpulan dan masyarakat seumpamanya seperti ini juga dikenali sebagai kaedah Kajian Pemerhatian Antropologi dan Falsafah Normatif (Ghazali Darussalam & Sufean Hussin, 2021). Data primer diperoleh daripada pemerhatian ikut serta menerusi temubual tidak berstruktur bersama informan dan memastikan orang Bajau benar-benar memakan makanan tradisi seumpama dakwat hitam sotong, ketam dua alam dan memakan ikan bersama isi perutnya yang mengandungi najis. Ia juga merangkumi analisis perbincangan berdasarkan rujukan kitab fiqh dan uşul al-fiqh berkaitan topik kajian.

Setelah objek kajian dikenal pasti, penulis menganalisa hukum ketiga-tiga isu tersebut menerusi kitab-kitab fiqh rentas mazhab. Kitab-kitab perbandingan mazhab yang digunakan seperti al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu oleh Dr. Wahbah al-Zuhailī (w. 2015 M), Bidāyat al-Mujtahid oleh Ibn Rusyd (w. 595 H) dan beberapa kitab lain memadai untuk kajian ini. Dapatan kajian dihuraikan secara deskriptif berdasarkan pandangan para sarjana hukum Islam sama ada dari aspek fiqh, uşul al-fiqh dan qawā'id fiqh. Data primer diperoleh dalam temu bual dan pemerhatian secara langsung terhadap amalan pemakanan yang dikaji. Selain itu data primer diperoleh daripada kitab-kitab fiqh mazhab dan kitab uşul al-fiqh berkaitan sahaja. Manakala data sekunder diperoleh daripada buku-buku ilmiah, makalah ilmiah dalam jurnal seumpamanya serta bahan bacaan memadai bagi isu yang dikaji.

Data analisis menggunakan metode induktif dan deduktif. Kaedah induktif dengan menganalisa isu satu persatu sehingga diperoleh hasil iaitu pandangan hukum Islam dalam soal pemakanan Bajau Ubian yang dikaji. Manakala kaedah deduktif dengan melihat kaedah-kaedah yang digariskan oleh sarjana hukum serta pandangan fiqh yang muktabar dalam isu-isu tersebut.

5. Perbincangan Dapatan

5.1 Analisis Dalil dan Hujah bagi Hukum Makan Ketam Dua Alam

Menurut Wahbah al-Zuhailī (2010), haiwan dua alam (بَرْمَائِيّ) merujuk kepada haiwan yang hidup di darat dan dilaut sekaligus. Contohnya katak (الضفدع), kura-kura (السلاحفَة), ketam (السرطان), ular (الحَيَّة), buaya (التمساح), anjing laut (الماء كلب) dan seumpamanya. Dalam Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu (1/264), terdapat tiga pandangan mazhab dalam isu ini.

Ulama Hanafiyah dan Syafi'iyah menyatakan tidak halal memakannya kerana kotor (khabā'ith) terutama ular yang dianggap berbisa. Ulama Malikiyah pula menyebut hukumnya mubah memakan makanan seperti katak, serangga, ketam, kura-kura dan lain-lain seumpamanya kerana tidak ada nas mengharamkannya. Mereka membantah bahawa pengharaman atas alasan khabā'ith hendaklah berdasarkan nas syarak, maka tidak boleh mengharamkan sesuatu hanya kerana perasaan jijik pada jiwa padahal tidak ada nas mengenainya.

Manakala ulama Hanabilah membahagikannya, iaitu semua haiwan laut yang hidup di darat (haiwan dua alam) tidak halal kecuali disembelih seperti unggas laut, anjing laut, kura-kura dan seumpamanya. Dikecualikan haiwan dua alam yang tidak mempunyai darah mengalir seperti ketam, maka hukumnya mubah tanpa disembelih sebagaimana pandangan Imam Ahmad. Hal ini kerana ia merupakan haiwan laut yang hidup di darat dan tidak memiliki darah mengalir maka tidak ada keperluan menyembelinya, ini berbeza dengan haiwan yang mempunyai darah mengalir seperti burung laut yang tidak harus dimakan kecuali disembelih. Bahkan ada pandangan lebih tegas dalam kalangan Hanabilah bahawa ketam tidak halal kecuali disembelih.

Menurut al-Nawawī (t.th) dalam al-Majmū' (9/23) bahawa apa yang sahih adalah semua yang hidup di laut bangkainya halal kecuali katak sebagaimana yang dinyatakan dalam hadith larangan membunuh katak (Abu Daūd: 3871 & 5269, al-Dārimī: 2041). Menurut Muḥammad al-Zuhailī (2013) dalam al-Mu'tamad (2/547-548) yang menyebut pandangan fiqh bahawa haiwan dua alam seperti burung air, itik dan angsa seumpamanya adalah halal apabila disembelih, namun jika menjadi bangkai maka tidak halal. Demikian pula katak, ketam, ular, kura-kura dan buaya hukumnya haram. Beliau menyebut sebabnya kerana mengandungi bahaya seperti racun sebagaimana terdapat pada ular, manakala ketam dianggap jijik (khabā'ith), buaya pula memiliki taring atau buas.

Al-Jazīrī (2005) dalam al-Fiqh 'alā al-Madhahib al-Arba'at (h.412) menyebut haiwan dua alam adalah haram seperti kura-kura dan penyu serta lain-lain, dengan merincikan mazhab Hanabilah dan Malikiyah menghalalkan penyu jika disembelih, tetapi kura-kura menurut beliau adalah haram berdasarkan pandangan rājiḥ mazhab Hanabilah. Ibn Rusyd (2012) menyebut bahawa Imam Syafie menilai haiwan seperti serangga, ketam, penyu, katak dan selainnya adalah menjijikkan dan buruk (khabā'ith) berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-A'rāf ayat 157. Oleh itu, status hukumnya haram.

5.2 Analisis Dalil dan Hujah bagi Hukum Makan Najis Ikan dan Dakwat Sotong

Menurut Ibn Rusyd (2012), para fuqaha' berbeza pandangan mengenai hukum najis haiwan. Imam Syafie dan Abu Hanifah berpendapat semua kencing binatang adalah najis. Namun ada juga perbezaan dari sudut perinciannya. Manakala sebahagian pandangan lain menganggap kencing dan tahi haiwan adalah suci. Sebahagian lain berpendapat kencing dan tahi binatang bergantung kepada dagingnya, jika dagingnya haram maka najisnya juga haram, jika dagingnya boleh dimakan maka najisnya suci, demikian jika dagingnya makruh maka najisnya juga makruh. Ini merupakan pandangan Imam Mālik.

Dalam konteks dakwat sotong, berdasarkan penemuan sains, ia bukanlah najis sebagaimana yang dibahaskan sebelumnya. Bahkan dapatan sains membuktikan sebaliknya bahawa dakwat sotong mengandungi khasiat daripada aspek kesihatan. Kajian Yuspihana Fitrial & Iin Khusnul Khotimah (2017) yang juga menguatkan beberapa kajian sains sebelumnya yang menyatakan bahawa dakwat sotong daripada jenis sotong (*Sepia sp*) dan cumi-cumi (*Loligo sp*) misalnya memiliki fungsi antibakteria seperti mencegah *Escherichia coli* yang antara lain disebabkan melanin yang berfungsi sebagai antioksidan, anti-radiasi, anti-rotavirus dan anti-tumor dengan menghalang aktiviti plasmin untuk meningkatkan sistem imun yang membunuh sel kanser.

Menurut Wahbah al-Zuhaili (2010) dalam *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuhu* (1/268-269), para ulama berbeza pandangan mengenai najis haiwan. Sebahagian pandangan menganggap najis haiwan adalah suci menurut pandangan Malikiyah dan Hanabilah, manakala sebahagian pandangan menyatakan kenajisannya sebagaimana pandangan Hanafiyah dan Syafi'iyah.

Menurut Malikiyah dan Hanabilah, kencing dan najis haiwan yang dimakan dagingnya seperti unta, lembu, kambing, burung merpati dan semua jenis burung adalah suci. Mazhab Maliki mengecualikan haiwan yang makan atau minum najis, maka najisnya dianggap najis. Najis dan kencing haiwan sedemikian dianggap makruh. Dalam pandangan ini, najis haiwan dihukum berdasarkan jenis dagingnya. Jika haiwan yang haram dimakan maka tahi dan kencingnya dianggap najis. Namun jika haiwan itu halal dimakan, maka najisnya suci, jika dagingnya makruh maka dianggap makruh. Mereka berdalil dengan hadith keharusan kaum 'Uraniyyin meminum air kencing unta dan susunya (H.R al-Bukhārī: 233, Muslim: 1671 daripada Anas bin Mālik r.a).

Manakala menurut golongan Syafi'iyah dan Hanafiyah, kencing, muntah, najis haiwan adalah najis secara mutlak. Mereka berhujah dengan perintah Nabī SAW untuk menuangkan air ke atas kencing seorang badui dalam masjid (H.R al-Bukhārī: 221 dan Muslim: 284 daripada Anas bin Mālik r.a). Demikian pula hadith: "وَكَانَ الْأَخْرُ لَا يَسْتَنْزَهُ عَنِ الْبَوْلِ", maksudnya; "Adapun salah seorang dari mereka berdua, dia tidak bersih daripada buang air kecil" (H.R al-Bukhārī: 1378 dan Muslim: 292 daripada Ibn 'Abbās r.a) menunjukkan hukum kenajisannya.

Mereka menjelaskan mengenai hadith tentang perintah Nabī SAW kepada beberapa orang Arab agar meminum kencing unta, hal itu merupakan khusus untuk perubatan dan berubat dengan najis dibolehkan apabila tidak ada sesuatu yang suci yang dapat menggantikannya. Manakala ulama Hanafi membezakan jenis najisnya, iaitu kencing daripada haiwan yang dimakan dagingnya dianggap najis ringan. Menurut Abū Ḥanīfah dan Abū Yūsuf, boleh solat dengannya jika mendapat jumlah sebesar seperempat daripada pakaian seseorang. Najis kuda dan lembu dianggap najis berat menurut Abū Ḥanīfah sama seperti hukum haiwan yang tidak dimakan dagingnya. Manakala najis burung yang dimakan dagingnya adalah suci sebagaimana pandangan al-Syāfi'ī dengan hujah kerana sukar menghindarnya (Wahbah al-Zuhaili, 2010).

Jadual 5.2 *Pandangan mazhab fiqh mengenai hukum makanan laut tertentu*

Isu	Mazhab	Hukum	Status
Ketam dua alam	Maliki	Mubah (harus)	√ (Suci)
	Syafi'i	Tidak halal	X (Haram)
	Hanafi	Tidak halal	X (Haram)
	Hanbali	Halal jika tidak mempunyai darah mengalir; jika ada maka perlu disembelih	√ (Bersyarat)
Dakwat sotong dan najis ikan	Maliki	Bergantung kepada jenis daging (suci/makruh/haram). Jika ikan & sotong suci, maka najisnya juga suci	√ (Suci, Bersyarat)
	Syafi'i	Najis	X (Haram)
	Hanafi	Najis	X (Haram)
	Hanbali	Suci	√ (Suci)

Nota. Jadual ini memaparkan pandangan empat mazhab utama fiqh (Maliki, Syafi'i, Hanafi, dan Hanbali) mengenai hukum pemakanan ketam dua alam, dakwat sotong, dan najis ikan.

Jadual di atas menjelaskan bagaimana para fuqaha' berbeza pandangan dalam isu yang dinyatakan. Dalam isu hukum haiwan dua alam seperti ketam dua alam, mazhab Syafie dan Hanafi menyatakan tidak halal kerana kotor (khabā'ith), hidup dua alam bahkan ada di antaranya yang beracun seperti ular. Manakala mazhab Maliki dengan tegas menyatakan hukumnya mubah kerana tidak ada dalil mengharamkannya. Jika diteliti, pendekatan ini berdasarkan kaedah fiqh: الإباحة الأشياء في الأصل : "asal hukum pada segala sesuatu adalah boleh" ('Abd al-Karīm Zaidān, 2011). Juga kaedah: التَّحْرِيمُ عَلَى الدَّلِيلِ يُلْغَى حَتَّى الْإِبَاحَةُ الْأَشْيَاءُ فِي الْأَصْلِ : "asal segala sesuatu adalah boleh sehingga ada dalil yang mengharamkannya" (Al-Suyūṭī, 2012).

Dalil mengenai keharusan segala sesuatu adalah boleh sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 29. 'Abd al-Karīm Zaidān (2011) menyatakan kaedah ini meliputi banyak perkara besar seperti soal makanan, minuman dan selainnya. Dan ketika menghurai kaedah ini beliau menyebut bahawa antara contoh aplikasinya adalah ketika berhadapan dengan hukum haiwan yang tidak jelas statusnya seperti memakan zirafah, maka kaedah ini terpakai.

Manakala hukum memakan najis sotong dan najis ikan berdasarkan pandangan mazhab Hanabilah adalah boleh kerana diklasifikasikan sebagai suci. Berdasarkan kaedah mazhab Maliki juga hukumnya suci kerana sotong dan ikan adalah halal dimakan, maka najisnya juga halal dan suci. Adapun mazhab Syafie dan Hanafi menilainya najis secara mutlak atas alasan kotoran dan kenajisannya dikuatkan dengan dalil yang menyebut tentangnya iaitu perintah membersihkan kencing orang Arab badui dalam masjid dan perintah membersihkan diri daripada air kencing. Pandangan yang kuat dalam soal najis haiwan adalah pandangan Maliki dan Hanbali kerana berdiri di atas dalil kaum 'Uraniyyīn yang diperintahkan minum kencing unta dan kesucian solat di tempat najis seperti kandang kambing jelas membuktikan kesuciannya (Wahbah al-Zuhailī, 2010).

Imam al-Syaukānī (2016) menyebut ketika menjelaskan persoalan makanan, bahawa asal hukum segala sesuatu adalah halal, maka apa yang diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya maka itulah yang haram dan apa yang didiamkan hukumnya maka itu merupakan kemaafan atau rahmat daripada Allah SWT. Al-Qaraḍawī (2008) menguatkan pandangan bahawa najis binatang yang dimakan dagingnya adalah suci, tidak ada seorang muslim pun yang ragu mengenai persoalan tersebut. Beliau membawa pandangan Ibn Taimiyyah yang berhujah dengan kesucian najis haiwan yang dimakan dagingnya dengan tiga belas dalil dan penghujahan. Selain Imam Mālik dan Ahmad yang berpendapat kesucian najis binatang yang halal dimakan, ia juga merupakan pandangan yang disandarkan kepada al-Nakha'ī (Hasbi al-Shiddiqie, 2001).

Penting untuk dicatat bahawa konteks pengucapan, zaman dan tempat adalah elemen yang perlu diambil perhatian dalam memahami sesuatu dalil dan hukum (Abdul Mustaqim, 2016). Dalam konteks ijtihad, antara karakteristik fatwa dalam Islam adalah perubahan hukum mengikut suasana, tempat, keadaan, niat dan 'uruf (Hasbi al-Shiddiqie, 1981). Pada aspek sosiologi dan antropologi, masyarakat Arab tidak terkenal dengan makanan laut walaupun ada dalil menyebut tentang kesuciannya. Meskipun terdapat negara Arab yang berhampiran dengan laut, tetapi makanan laut tidaklah menjadi bahagian dominan dalam kehidupan masyarakat

Arab. Justeru itu, keperluan memahami nas seperti hadith-hadith berkaitan hendaklah juga dengan memperhatikan latar masa, persekitaran serta keperluan memahami hadith dengan pendekatan ilmu-ilmu sosial seperti antropologi, sejarah, sosio-sejarah, psikologi dan sosiologi (Nizar Ali, 2001). Oleh itu, masyarakat Bajau secara umum dan Bajau Ubian secara khusus yang telah sebatu dengan laut dan persekitaran ekstrim sebagaimana yang dialami oleh kehidupan masyarakat Bajau termasuk Bajau laut (Pala'u) dan Ubian telah membentuk budaya dan bangsa mereka yang unik. Sesungguhnya suatu bangsa itu terbentuk oleh keserasian kelompok manusia yang juga merupakan istilah untuk membezakan manusia mengikut disiplin, keserasian, keselesaan, kesetiaan, sikap, watak dan peribadi yang dijiwai sesuai dengan kepercayaan masing-masing. Bangsa juga terbentuk daripada genetik, semangat kekeluargaan, semangat kenegerian serta bahasa yang telah membentuk sesebuah bangsa (Zaharah Sulaiman et al., 2023).



Rajah 5.2 Antara diet pemakanan Bajau Ubian merangkumi ikan, sotong, ketam dan ubi kayu

Nota. Penulis bersama anggota keluarga informan masyarakat Bajau Ubian di Kampung Sabah Baru Peringkat 2, Lahad Datu. Isi perut dan najis ikan, dakwat sotong dan ketam dua alam.

Rajah di atas menjelaskan pemakanan tradisi orang Bajau Ubian yang sememangnya ringkas, merangkumi ubi kayu (binamban/bamban dan putu), sotong termasuk jenis kurita bersama dakwat hitam, ikan panggang bersama isi perut termasuk najisnya serta ketam dua alam. Tradisi makanan seumpama ini telah menjadi warisan sejak turun temurun. Ikan yang dipanggang tersebut disajikan, dimakan dalam keadaan isi perut dan najisnya tidak dibuang, tetapi orang Bajau akan mengasingkan najis dan bahan yang tidak perlu dimakan seperti insang, najis dan seumpama itu sekadarnya sahaja ketika sedang makan, manakala saki baki najis dan isi perut tidak ada masalah untuk dimakan, jika termakan sekali pun tidaklah dianggap menjijikkan. Dakwat hitam daripada sotong atau kurita juga begitu, ia dimakan dan dihirup bersama dakwatnya. Manakala ketam dua alam pula dimakan sama seperti memakan ketam-ketam lain. Dalam tradisi Bajau seperti Ubian makanan seperti itu adalah termasuk identiti Bajau yang asli.

Justeru, masyarakat Bajau memiliki budaya yang unik, antaranya adalah amalan pemakanan makanan laut yang juga menjadi kebiasaan dalam kalangan masyarakat lain di dunia. Namun, orang Bajau khasnya Bajau Ubian telah sebatu dengan makanan laut, termasuk makanan seperti dakwat hitam sotong, memanggang dan memakan ikan dengan isi perutnya dan memakan ketam dua alam seperti ketam Batu atau Nipah atau apa pun namanya.

Temu bual bersama Hajjah Aliasan (68 tahun), Otok Rikik (62 tahun), Otuh Salleh (83 tahun) dan Salim bin Jauhari (62 tahun) sebagai anak jati Bajau Ubian menyatakan dengan tegas bahawa itulah makanan Bajau dan itulah pula identiti Bajau yang telah berjalan sejak zaman berzaman. Maka menghapuskan budaya pemakanan tersebut bererti menghapuskan identiti bangsa Bajau. Di sinilah letaknya kesyukuran Islam dalam menjawab persoalan umat manusia serta berdiri di atas prinsip Jalbu al-Masālih wa Dar'u al-Mafāsīd melalui prinsip-prinsip termasuk rukhsah dan maslahah ('Abd al-Karīm Zaidān, 2001). Perbezaan pandangan dalam mazhab hukum hendaklah diteliti. Hasbi al-Shiddiqie (2007) menghuraikan bahawa perselisihan pandangan yang dibenarkan apabila perbezaan harmoni yang masih dalam kotak perselisihan yang diiktiraf, maka selain daripada itu berpotensi membawa pertentangan dan boleh berlanjutan kepada perselisihan yang amat buruk.

Hazairin (1951) telah mengkritik sikap sebahagian golongan yang fanatik terhadap sesetengah pandangan fiqh seolah-olah itulah satu-satunya pandangan yang benar, sehingga akhirnya berlaku kesenjangan antara budaya, jiwa masyarakat dan hukum Islam. Golongan yang fanatik terhadap sesuatu pandangan akhirnya tidak mampu menjawab persoalan yang berlaku dalam jiwa masyarakat Islam dan gagal menilai budaya pelbagai kaum di Nusantara ini dengan saksama. Oleh itu, ijtihad para sarjana hukum Islam diperlukan dan terbuka dalam persoalan nas yang berstatus *zonnī al-dalālat* atau *zonnī al-tsubūt* (Hasbi al-Shiddiqie, 2007). Kaedah *uṣūl al-fiqh* menetapkan bahawa adat budaya itu diiktiraf menjadi hukum agama dengan syarat-syarat tertentu. Dalam kaedah *uṣūl al-Fiqh*: *العَادَةُ مُحْكَمَةٌ*: "Adat menjadi hukum" (Al-Suyuthi, 2012). Menurut al-Suyūṭī (2012) kaedah ini menjadi rujukan fiqh dalam banyak persoalan. Kaedah ini dikukuhkan lagi dengan kaedah: *مُرَاعَاةُ الْعَادَاتِ وَالْأَعْرَافِ* *فِيمَا لَا يَخَالِفُ الشَّرْعَ*, maksudnya: "memperhatikan tradisi dan adat kebiasaan masyarakat yang tidak bercanggah dengan syarak" (Al-Qaraḍāwī, 2009). 'Uruf yang diiktiraf apabila ia termasuk dalam kategori 'uruf sahih dengan ketentuan syarat tidak bercanggah dengan nas, berbeza dengan 'uruf fāsīd yang bercanggah dengan hukum syarak yang pasti.

Menurut 'Abd al-Karīm Zaidān (2001), 'uruf itu kembali kepada tujuannya iaitu untuk menjaga masalah manusia dan menghilangkan kesukaran. Maka budaya pemakanan seperti ketam yang hidup dua alam, najis atau isi perut ikan serta dakwat sotong merupakan 'uruf amali serta 'uruf khās bagi menzahirkan identiti masyarakat Bajau yang tidak termasuk dalam konteks 'uruf fāsīd. Bahkan jika melihat dengan lebih luas, sebenarnya bukan hanya bangsa Bajau yang memakan ketiga-tiga jenis haiwan laut di atas, tetapi meliputi juga bangsa maritim lain di belahan dunia ini. Kaum Bajau telah tersebar di beberapa wilayah di sekitar Asia Tenggara termasuk di Sulawesi, Filipina, Kalimantan, Sumatera timur, kepulauan Maluku utara dan kepulauan Nusa Tenggara (Zulyani Hidayah, 2015). Dianggarkan populasinya mencapai lebih sejuta orang (Halina Sendera Mohd Yakin & Andreas Totu, 2019).

6. Kesimpulan

Justeru itu, kajian ini menjawab persoalan penting dalam budaya pemakanan orang Bajau, khususnya Bajau Ubian. Dalam isu hukum memakan sotong bersama dakwatnya, najis ikan dan isi perutnya yang merangkumi juga najisnya, serta ketam yang hidup dua alam maka mazhab Maliki dan Hanbali menjadi pandangan yang kuat dalam menjawab persoalan kebudayaan Bajau. Justeru itu, kebudayaan etnik atau bahkan bangsa Bajau mempunyai keunikan tersendiri yang perlu diperhalusi, dihargai dan dihormati. Keharmonian yang wujud dalam kehidupan masyarakat Bajau selama ini adalah daripada nilai kepercayaan Islam yang benar serta budaya yang mendarah daging dalam diri setiap ahli dalam masyarakat tersebut. Oleh itu, keperluan kepada fiqh Bajau yang menawarkan fiqh ramah, memahami jiwa masyarakat Islam, memahami masyarakat Islam dan jiwa Islam, serta toleran kepada kepelbagaian budaya masyarakat Bajau hendaklah diberi perhatian dalam menjawab permasalahan masyarakat. Menghapuskan budaya suatu kaum yang telah menjadi identiti mereka sejak awal pembentukan bangsanya adalah tidak wajar selagi ia tidak bercanggah dengan perkara usul dalam syaria Islam.

Konflik Kepentingan

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

Perisytiharan Penggunaan AI dalam Penyediaan Manuskrip

Penulis menggunakan Chatgpt untuk membantu menterjemah abstrak ke dalam bahasa Inggeris. Semua kandungan yang dihasilkan telah disemak dan disahkan oleh penulis, yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk penyerahan akhir.

Sumbangan Penulis

Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas ini seperti berikut: **Penulisan artikel:** Al Anshary Otuh Salleh, Abu Khairie Otuh Salleh, Rafiah Otuh Salleh, Annisa Otuh Salleh **semakan dan edit:** Al Anshary Otuh Salleh, Abu Khairie Otuh Salleh. Semua penulis telah mengkaji hasil dan meluluskan versi terakhir manuskrip.

Rujukan

Al-Qur'an al-Karim

- Abdul Mustaqim. (2016). Ilmu Ma'anil Hadits. Idea Press Yogyakarta.
- Abdurrahman Wahid. (2001). Pergulatan Negara, Agama dan Kebudayaan. Desantara.
- Al-Jaziri, Abd al-Rahmān bin Muḥammad 'Awaḍ. (2005). al-Fiqh 'alā al-Madhahib al-Arba'ah. Dār al-Ghad al-Jadid.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf. (2008). Fiqh al-Tahārah. Maktabah Wahbah.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf. (2009). Al-Qawā'id al-Hākimaṭ li al-Fiqhi al-Mu'āmalat. Al-Majlis al-Urūbi li al-Iftā' wa al-Buhūth.
- Al-Syaukānī, Muḥammad bin 'Alī. (2016). Al-Darārī al-Muḍiyyaṭ Syarh al-Durar al-Bahiyyaṭ fi al-Masā'il al-Fiqhiyyaṭ. Dār Ibn al-Jauzī.
- Al-Nawawī, Abū Zakariya. (t.th). Kitāb al-Majmū' Syarh al-Muhazzab li al-Syirāzī. Taḥqīq: Muḥammad Najīb al-Muthī'i. Dar Ihyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn. (2012). Al-Asybah wa al-Nazā'ir. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- 'Abd al-Karīm Zaidān. (2001). Al-Madkhal li Dirāsati al-Syarī'ah al-Islāmiyyah. Mu'assasah al-Risālah.
- 'Abd al-Karīm Zaidān. (2011). Al-Wajīz fi Syarh al-Qawā'id al-Fiqhiyyah. Mu'assasah al-Risālah.
- Al-Bukhārī, Abū 'Abd Allāh, Muḥammad bin Ismā'īl. (1311H). Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Al-Sulṭāniyah bi al-Mathba'aṭ al-Kubrā al-Amīriyyah bi Bulāq Misr.
- Abū Muḥammad 'Abd Allāh bin Abd al-Rahmān. (2000). Musnad al-Dārimī. Taḥqīq: Ḥusain Salīm Asad al-Dārānī. Dār al-Mughnī li al-Nasyr wa al-Tauzī'.
- Abu Dāūd Sulaimān bin al-Asy'at al-Azdī. (2009). Sunan Abī Dāūd. Taḥqīq: Syu'aib al-Arna'uṭ. Dār al-Risālah al-'Ālamīyah.
- Crustacea. (1974). In The New Encyclopaedia Britannica (Vol. 5, pp. 310–311). Encyclopaedia Britannica, Inc.
- Derek Harvey. (2012). Super Nature Encyclopedia The 100 Most Incredible Creatures on The Planet. Smithsonian Institution.
- Ghazali Darussalam & Sufean Hussin. (2021). Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan. Amalan dan Analisis Kajian. Edisi ketiga. Penerbit Universiti Malaya.
- Hazairin. (1951). Hukum Islam dan Masyarakat. Penerbit Bulan Bintang.
- Hasbi al-Shiddiqie, Tengku Muhammad. (1981). Pengantar Hukum Islam jilid 2. Bulan Bintang.
- Hasbi al-Shiddiqie, Tengku Muhammad. (2007). Dinamika Syariat Islam. Penerbit Galura Pase.
- Hasbi al-Shiddiqie, Tengku Muhammad. (2001). Hukum-hukum Fiqh Islam. PT. Pustaka Rizki Putra.
- Halina Sendera Mohd Yakin. (2018). Struktur Adat Kematian Menyingkap Pandangan Alam dan Kosmologi Masyarakat Bajau. Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Halina Sendera Mohd Yakin & Andreas Totu. (2019). Simbolisme dalam Adat Kematian Bajau dari Perspektif Semiotik dan Komunikasi. Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Ibn Rusyd, Abū al-Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin Muḥammad bin Aḥmad. (2019). Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid. Taḥqīq: Majdī Fathī al-Sayyid. Al-Maktabah al-Taufiqiyyah.
- Invertebrates. (2012). Animals a Visual Encyclopedia. Smithsonian Institution.
- Bailey, J., & Allaby, M. (2003). The new encyclopedia of science (2nd ed., Vol. 2). Oxford University Press.
- Md. Nor Hj. Ab. Ghani, Mohd Fadzli Tajuid, Salasiah Zainuddin, Norashikin Khasim, Ruslan Abdul Raffar & Yahya Abu Bakar. (2023). Kamus Dewan Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muḥammad Abū Zahrah. (t.th). Uṣūl al-Fiqh. Dār al-Fikr al-'Arabī.
- Muḥammad al-Zuhailī. (2013). Al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syāfi'i. Dār al-Qalam.
- Muslim, Abū al-Husain Muslim bin al-Hajjāj al-Qusyairī. (1955). Ṣaḥīḥ Muslim. Taḥ qīq: Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī. Mathbu'aṭ 'Īsā al-Bābiyy al-Ḥalabī.
- Md. Saffie Abd. Rahim, Sabihah Osman & Ramzah Dambul. (2012). Bajau Pantai Timur. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

- Mufti Wilayah Perskutuan (22 November 2016). Al-Kafi Li al-Fatawi ke-464: Hukum Makan dakwat Sotong. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1839-al-kafi-li-al-fatawi-hukum-makan-dakwat-sotong>
- Mufti Wilayah Persekutuan (18 Ogos 2023). Al-Kafi (1952): Hukum Makan Ikan yang Tidak Dibuang Isi Perut. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/5726-al-kafi-1952-hukum-makan-ikan-yang-tidak-dibuang-isi-perut>
- Mufti Wilayah Persekutuan (7 Julai 2023). Irsyaad Hukum Siri Ke-785: Halal atau Haramkah Memakan Ketam Batu? <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/5685-irsyad-al-fatwa-siri-ke-784-halal-atau-haramkah-memakan-ketam-batu>
- Nizar Ali. (2001). Memahami Hadis Nabi Metode dan Pendekatan. Center for Educational Studies and Development.
- Reyhan Salindro Usman, Armen Nainggolan & Yudha Lestira Dhewantara. (2022). Efektifitas Pemberian ekstrak Tinta Cumi (Loligo sp) Terhadap Pertumbuhan dan Warna Mas Koki Oranda. Jurnal Ilmiah Satya Minabahari. 07 (02), 2022, 106-115. DOI : 10.53676/jism.v7i2.172.
- Sugiyono. (2020). Metode Penelitian Kualitatif. Penerbit Afabeta.
- Syamsul Azizul Marinsah, Mohd Anuar Ramli & Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi. (2025). 'Sinkretisme Menulusi Adat Tradisi Bajau di Sabah Menurut Hukum Islam'. Penerbit Universiti Malaya.
- Yuspihana Fitrial & Iin Khusnul Khotimah. (2017). Aktivitas Antibakteri dari Melanin Tinta Sotong dan Cumi-cumi. Jurnal Pengolahan Hasil Perikanan Indonesia. 20(2), 266-274. <http://dx.doi.org/10.17844/jphpi.v20i2.17907>
- Yap Beng Liang. (1993). Pertanian di Kalangan Orang Bajau Daerah Kota Belud, Sabah. Cendekia, 1(1993), Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Zaharah Sulaiman, Wan Hasyim Wan Teh & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. (2023). Sejarah Tamadun Alam Melayu Asal Usul Melayu Induknya di Benua Sunda (jilid satu). Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zulyani Hidayah. (2015). Ensiklopedi Suku Bangsa di Indonesia. Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- al-Zuhailī, Wahbah (1986). Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī. Dār al-Fikr.
- al-Zuhailī, Wahbah (2010). Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu. Dār al-Fikr.

Temu bual

- Hajjah @ Saheya binti Alias. Berumur 68 tahun dan berasal daripada Kampung Bangkarat, Tungku. Temubual: 21 Jun 2025 dan 7 Jun 2025.
- Otuh Salleh bin Nahul. Berumur 83 tahun dan berasal dari Filipina, berbangsa Bajau-Suluk dan merupakan warganegara Malaysia. Temubual: 7 Jun 2025 & 21 Jun 2025.
- Otok Rikik. Berumur 62 tahun dan berasal daripada Pulau Bohayan Kunak. Temubual: 18 July 2025.
- Salim bin Jauhari. Berumur 62 tahun dan berasal dari Kepulauan Sulu/Ubian, Filipina dan menetap di Kg. Sabah Baru II, Lahad Datu. Temubual: 25 July 2025.